

16/08/1997

Guna kekuatan sendiri kuasai BSKL: Dr M (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelabur dan pengurus dana tempatan, yang dianggap hanya pengikut urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), perlu mula menggunakan kekuatan mereka untuk menguasai bursa yang kini dipengaruhi dana asing.

Ketika membuat saranan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, agak malang apabila pengurus dana tempatan tidak menjadi penggerak di BSKL tetapi sekadar pengikut yang bergantung kepada indeks di pasaran dan tidak mempengaruhinya.

Sesebuah pasaran saham yang baik, seharusnya bersifat terbuka kepada, bukannya bergantung kepada pelaburan dikendalikan oleh pengurus dana asing.

Walaupun kegiatan mereka boleh merangsang harga, mereka juga mungkin dengan sengaja menyebabkan pasaran jatuh.

"Minat utama pengurus dana asing ialah keuntungan modal kerana di bursa negara mereka sendiripun, mereka melabur dengan tujuan yang serupa.

"Perbezaannya ialah kegiatan pengambilan untung mereka di negara lain menyebabkan pengaliran keluar wang yang banyak dan kemerosotan pada indeks," katanya ketika merasmikan Exchange Square, bangunan baru BSKL berharga RM150 juta, di Bukit Kewangan, off Jalan Raja Chulan di sini malam ini.

Turut hadir, ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusof.

Sejak dua minggu lalu, Indeks Komposit yang menjadi petunjuk utama BSKL turun ke bawah paras 1,000 mata dan ia dikaitkan oleh penganalisis dengan sentimen terhadap ringgit walaupun asas ekonomi negara masih kukuh.

Penganalisis juga mengaitkan faktor kedudukan BSKL sekarang dengan keengganan pengurus dana asing untuk menyertai pasaran, menyebabkan pengurus dana tempatan turut berbuat demikian.

Petang ini, harga saham di BSKL menurun daripada kedudukannya semalam apabila ditutup rendah berikutan pengambilan untung apabila ringgit jatuh ke paras paling rendah sejak ia diapungkan pada 1973.

Pada jam 5 petang ini, ringgit ditutup pada 2.7830/50 berbanding dolar Amerika daripada 2.7630/80 semalam. Tiada campur tangan oleh Bank Negara.

Indeks Komposit ditutup rendah 8.36 mata kepada 910.18, Indeks Emas jatuh 2.02 mata kepada 261.99, Indeks Perusahaan menyusut 11.03 mata kepada 1,865.56 dan Indeks Papan Kedua turun 5.65 mata kepada 480.98.

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan tidak menggalakkan dana tempatan mempengaruhi pasaran sepenuhnya, hakikat sekarang ialah hanya dana asing berbuat demikian.

Menurutnya, dana tempatan yang besar boleh berbuat demikian walaupun mereka juga bertujuan mengaut keuntungan yang digunakan bagi pelaburan di dalam negara.

"Oleh itu, tidak ada kerugian bersih kepada ekonomi apabila dana tempatan membuat spekulasi di bursa saham tempatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak bersetuju dengan pendapat bahawa indeks pasaran saham melambangkan ekonomi sesebuah negara.

Indeks tidak lagi menjadi ukuran kepada kedudukan ekonomi kerana kaitan antaranya dengan ekonomi sudah berubah.

"Mereka sekadar menunjukkan kedudukan pasaran.

"Ini kerana pelaburan tidak banyak dibuat berdasarkan asas ekonomi tetapi lebih kepada prestasi indeks itu sendiri," katanya sambil menambah,

prestasi indeks kini diakui tertakluk kepada manipulasi dan strategi pelabur besar.

Pertumbuhan ekonomi masih berada sekitar 8.2 peratus dalam suku pertama tahun ini manakala jangkaan bagi seluruh tahun ialah lapan peratus.

(END)